

## Glipizide 5mg

### Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan DIPAZIDE®
2. Bagaimana DIPAZIDE® berfungsi
3. Sebelum mengambil DIPAZIDE®
4. Cara menggunakan DIPAZIDE®
5. Semasa menggunakan DIPAZIDE®
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan DIPAZIDE®
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang
10. Pemegang pendaftaran produk
11. Tarikh kemaskini RiMUP

### Apakah kegunaan DIPAZIDE®

DIPAZIDE® digunakan untuk mengawal gula darah pesakit diabetes (kencing manis) jenis kedua, bersama-sama dengan penjagaan pemakanan dan senaman. Diabetes jenis kedua juga dikenali sebagai diabetes tidak bergantung kepada insulin.

DIPAZIDE® digunakan apabila penjagaan pemakanan dan senaman tidak mampu mengawal gula darah (glukosa). Ia hanya boleh diperolehi dengan prekripsi doktor.

### Bagaimana DIPAZIDE® berfungsi

DIPAZIDE® adalah sejenis ubat yang dikategorikan sebagai *sulphonylurea* yang menurunkan glukosa darah dengan meningkatkan kuantiti insulin yang dihasilkan oleh kelenjar pankreas.

Glukosa darah yang tidak terkawal boleh menyebabkan

hipoglisemia (glukosa darah rendah) atau hiperglisemia (glukosa darah tinggi). Hiperglisemia boleh menyebabkan kesan serius ke atas jantung, mata, peredaran atau buah pinggang.

Hipoglisemia mungkin melibatkan tanda-tanda berikut:

- lemah atau menggeletar
- berpeluh
- pening, sakit kepala atau kurang tumpuan
- menangis
- cepat marah
- lapar
- kebas di sekitar bibir dan lidah

Hiperglisemia mungkin melibatkan tanda-tanda berikut:

- lesu atau letih
- sakit kepala
- rasa dahaga
- banyak membuang air kencing
- penglihatan kabur

### Sebelum mengambil DIPAZIDE®

#### Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil DIPAZIDE® jika anda alah kepada:

- DIPAZIDE® dan ubat lain yang mengandungi glipizide
- sulphonylurea yang lain
- antibiotik sulfur (e.g. sulphonamides) atau diuretik thiazide (e.g. chlorothiazide)
- sebarang bahan yang tersenarai dalam seksyen Bahan-bahan kandungan dalam risalah ini.

Ruam kulit dan kegatalan mungkin salah satu daripada tanda alahan kepada DIPAZIDE®.

Jangan ambil DIPAZIDE® jika anda mengalami keadaan berikut:

- diabetes jenis pertama (diabetes bersandar insulin)
- diabetes ketoacidosis dengan atau tanpa koma
- penyakit buah pinggang yang teruk
- penyakit hati yang teruk

Jangan ambil DIPAZIDE® jika:

- anda mengandungi atau merancang untuk mengandungi
- anda menyusu atau merancang untuk menyusu
- bungkusan koyak, telah dibuka atau tablet tidak nampak betul
- tarikh luput telah berlalu

Jangan memberi DIPAZIDE® kepada kanak-kanak. Sebarang persoalan tentang DIPAZIDE® harus ditujukan kepada pengamal perubatan anda.

#### Sebelum mula mengambil

Sila beritahu pengamal perubatan anda jika:

- a) Anda alah kepada ubat lain, makanan, pengawet atau pewarna
- b) Anda sedang atau pernah mengalami keadaan berikut:
  - masalah buah pinggang
  - masalah hati
  - masalah adrenal, pituitari atau penyakit tiroid yang teruk
  - anemia hemolitik atau kekurangan G6PD (keadaan di mana seseorang tidak mempunyai enzim *glucose-6-phosphate dehydrogenase* yang mencukupi)

- c) anda mengambil alkohol
- d) anda tidak mengamalkan waktu makan yang tetap
- e) anda mengamalkan senaman berat
- f) anda sakit atau kurang sihat

Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu pengamal perubatan anda jika anda sedang mengambil ubat-ubat lain, termasuk ubat yang diperolehi daripada farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan tanpa preskripsi. DIPAZIDE® mungkin berinteraksi dengan sesetengah ubat.

- a) Sesetengah ubat mungkin menyebabkan hipoglisemia dengan meningkatkan kesan DIPAZIDE®. Ini termasuk:
  - alkohol
  - sesetengah ubat penyakit jantung atau tekanan darah tinggi (*beta-blockers*)
  - sesetengah ubat arthritis, sakit dan radang (*salicylates* e.g. *aspirin*)
  - sesetengah antibiotik (*sulphonamides*, *chloramphenicol*)
  - ubat untuk mencegah pembekuan darah (derivatif *coumarin*)
  - *probenecid* (ubat gout atau untuk meningkatkan tahap sesetengah antibiotik dalam darah)
  - sesetengah ubat kemurungan (*monoamine oxidase inhibitors*)
  - sesetengah ubat kanser (*cyclophosphamide*)
- b) Sesetengah ubat mungkin menyebabkan penyakit diabetes anda tidak terkawal kerana ia merendahkan kesan DIPAZIDE®. Ini termasuk:

- alkohol
- *corticosteroids* seperti *prednisone* dan *cortisone*
- sesetengah rawatan hormon untuk cegah hamil, Hormone Replacement Therapy (HRT) atau sakit puan lain e.g. *estrogens*, *progestogens*, ubat cegah hamil dan *danazol*.
- diuretik (*thiazides*)

Senarai lengkap ubat-ubatan yang perlu anda berhati-hati atau elak ketika mengambil DIPAZIDE® boleh didapati daripada pengamal perubatan anda.

**Cara menggunakan DIPAZIDE®**

Berapa banyak harus digunakan

Doktor anda akan mengesyorkan bilangan tablet yang perlu diambil setiap hari dan menambah atau mengurangkan dos bergantung kepada paras glukosa darah anda. Dos permulaan biasa adalah setengah hingga 1 tablet yang diambil setengah jam sebelum sarapan pagi. Namun, dos permulaan yang lebih rendah mungkin diperlukan oleh orang yang lebih berusia atau mereka yang mempunyai masalah hati.

Bila perlu digunakan

DIPAZIDE® harus diambil setengah jam sebelum makan. Telan tablet dengan segelas air. Doktor anda mungkin menasihati anda supaya mengambil tablet sekali sehari atau membahagikan dos anda kepada beberapa kali sehari.

Berapa lama perlu digunakan

DIPAZIDE® harus digunakan selagi doktor anda mengesyorkan ubat ini. DIPAZIDE® membantu

pengawalan diabetes tetapi tidak akan menyembuhkan diabetes.

Jika terlupa menggunakan

Jangan mengambil dos yang terlepas jika ia hampir masa untuk dos seterusnya. Ambil dos seterusnya pada waktu yang sepatut. Jika tidak, ambil dos sebaik sahaja anda ingat, kemudian kembali mengambil pil anda seperti yang anda biasa lakukan. Dos yang terlepas boleh menyebabkan hiperglisemia. Jangan mengandakan dos untuk menggantikan dos yang terlepas. Semak dengan pengamal perubatan anda jika anda tidak pasti apa yang perlu dilakukan atau jika anda terlepas lebih daripada satu dos.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda atau Pusat Racun Negara dengan segera untuk mendapatkan nasihat sekiranya anda mengesyaki bahawa anda atau sesiapa mungkin telah mengambil terlalu banyak DIPAZIDE®.

Pusat Racun Negara boleh dihubungi di:

- 1-800-88-8099 semasa waktu pejabat
- +6012-430 9499 selepas waktu pejabat

Anda harus ke hospital terdekat untuk mendapatkan rawatan. Semua ini harus dilakukan walaupun anda tidak mengalami tanda-tanda keracunan kerana anda mungkin memerlukan rawatan perubatan segera. Tanda-tanda hipoglisemia mungkin disebabkan oleh pengambilan DIPAZIDE® yang terlalu banyak. Sekiranya tanda-tanda awal hipoglisemia berlaku,

segera menaikkan glukosa darah anda dengan mengambil gula, madu, atau minuman ringan manis.

Jika tidak dirawat dengan cepat, tanda-tanda ini mungkin bertambah serius dan menyebabkan kehilangan koordinasi, pertuturan yang tidak jelas, kehilangan kesedaran dan sawan. Dapatkan bantuan perubatan segera sekiranya gejala-gejala ini berlaku.

### **Semasa menggunakan DIPAZIDE®**

#### Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu pengamal perubatan anda sekiranya anda mengandung atau bakal memulakan rawatan dengan ubat baru. Pastikan anda, rakan dan keluarga mengenali tanda hipoglisemia dan hiperglisemia dan tahu cara untuk merawat.

Risiko hipoglisemia meningkat dalam warga tua atau orang yang mengambil ubat diabetes lain seperti insulin atau metformin. Hubungi doktor anda dengan segera jika anda mengalami sebarang tanda-tanda hiperglisemia.

Keadaan berikut meningkatkan risiko hiperglisemia:

- diabetes yang belum didiagnos atau diabetes yang tidak terkawal
- sakit, kecederaan, jangkitan atau stres
- dos DIPAZIDE® tidak mencukupi
- kurang senaman
- pemakanan karbohidrat yang lebih daripada biasa

Periksa paras glukosa darah anda dengan kerap kerana ini adalah cara yang terbaik untuk menentukan sama ada diabetes anda dikawal dengan baik.

Hubungi doktor anda dengan segera sekiranya anda mengalami semula tanda-tanda yang pernah anda alami sebelum memulakan rawatan diabetes dengan DIPAZIDE®.

#### Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan hentikan DIPAZIDE® atau mengubah dos tanpa izin doktor anda. Amalkan pemakanan yang tetap semasa mengambil DIPAZIDE®.

#### Perkara yang perlu diberi perhatian

Sila beritahu doktor bahawa anda sedang mengambil DIPAZIDE® sekiranya anda:

- akan menjalani pembedahan major
- mengalami trauma teruk
- mengalami jangkitan/demam atau gangren
- mempunyai kawalan diabetes yang teruk atau tidak stabil

DIPAZIDE® boleh menyebabkan pening dan rasa mengantuk. Paras glukosa darah yang rendah juga boleh melambatkan masa tindak balas anda dan mengurangkan keupayaan untuk memandu atau mengendalikan mesin. Mengambil alkohol dengan DIPAZIDE® boleh menyebabkan anda rasa tidak sihat, sakit kepala, sakit perut, sukar bernafas atau mengalami denyutan jantung yang cepat.

#### Semasa sakit

Apabila anda selsema atau demam, teruskan rawatan dengan DIPAZIDE® walaupun anda tiada selera makan. Anda boleh minum minuman manis bergula untuk menggantikan karbohidrat atau mengambil sedikit makanan hambar. Senarai makanan yang

sesuai semasa sakit boleh didapati daripada pengamal perubatan anda.

### **Kesan-kesan sampingan**

Semua ubat boleh menyebabkan kesan sampingan yang kadang-kadang serius. Hubungi pengamal perubatan jika anda mengalami:

- tanda-tanda hipoglisemia seperti rasa lemah, menggeletar, berpeluh, pening, sakit kepala, cepat marah, menangis, lapar atau kurang tumpuan
- kekeliruan dan rasa kurang sihat
- sakit perut, loya, muntah
- cirit atau sembelit
- ruam, luka, kemerahan, gatal-gatal atau ekzema. Kadang-kadang, tanda-tanda ini hilang dengan rawatan berterusan. Dapatkan nasihat daripada pengamal perubatan sekiranya anda mengalami masalah kulit.

Hubungi pengamal perubatan atau pergi ke hospital terdekat dengan segera jika anda mengalami:

- kekuningan kulit atau mata (jaundis)
- pendarahan atau lebam lebih daripada biasa
- tanda-tanda jangkitan seperti demam, rasa sejuk, sakit tekak atau ulser mulut yang kerap berlaku
- tanda-tanda anemia seperti keletihan, sesak nafas dan nampak pucat.
- tanda-tanda penyakit hati seperti rasa loya, muntah, hilang selera makan, rasa tidak sihat, demam, gatal, kekuningan kulit atau mata dan air kencing berwarna gelap.

Ini bukan senarai lengkap untuk semua kesan sampingan

yang mungkin. Sila merujuk kepada pengamal perubatan anda untuk maklumat lanjut.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers → Reporting*).

### **Cara penyimpanan dan pelupusan DIPAZIDE®**

#### Penyimpanan

- Jauhi daripada kanak-kanak
- Jangan keluarkan tablet daripada bungkusan 'blister' sehingga anda ingin mengambilnya
- Simpan di tempat yang sejuk dan kering di bawah 30°C.
- Jauhi daripada haba dan kelembapan


#### Pelupusan

Sila merujuk kepada pengamal perubatan anda untuk pelupusan ubat yang telah dihentikan oleh doktor atau telah tamat tempoh gunanya.

### **Maklumat Lanjut**

#### Rupa dan warna DIPAZIDE®

Tablet DIPAZIDE® adalah bulat, putih dan cembung

dengan logo  pada satu permukaan dan bergaris di satu lagi permukaan untuk memudahkan pemotongan. Setiap bungkusan mengandungi 100 tablet dalam pak 'blister'.

#### Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:  
5 milligrams glipizide dalam setiap tablet DIPAZIDE®.

Bahan tidak aktif:

*Microcrystalline cellulose, lactose, sodium starch glycolate dan magnesium stearate.*

#### Nombor MAL:

MAL19992691A

### **Pengilang**

Siam Bheasach Co., Ltd.,  
123 Soi Chokechairuammitr,  
Vibhavadi-Rangsit Road,  
Chatuchak, Bangkok 10900  
dan 9 Soi Chokechairuammitr  
3, Vibhavadi-Rangsit Road,  
Dindang, Bangkok 10400,  
Thailand.

### **Pemegang Pendaftaran Produk**

SPG Pharma (Malaysia) Sdn.  
Bhd.,  
Suite 1701, Block A,  
Damansara Intan e-Business  
Park, No. 1, Jalan SS20/27,  
47400 Petaling Jaya, Selangor  
Darul Ehsan, Malaysia.

### **Tarikh kemaskini RIMUP**

21/03/2014